

Mahathir mahu bukti yang jelas

KUALA LUMPUR 23 Sept. — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** hari ini mengingatkan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya mengemukakan bukti-bukti yang jelas jika mereka hendak mendakwa berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Beliau membuat ingatan ini ekoran kenyataan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai di Serdang semalam bahawa terdapat pihak-pihak yang melaksana DEB menganggap orang-orang Melayu sahaja miskin manakala kaum-kaum lain sudah kaya-raya.

"Jika apa yang didakwa itu benar, kita sedia mengambil tindakan untuk membetulkannya," tegas beliau dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Khas Ahli-Ahli Dewan Rakyat di sini hari ini.

Perdana Menteri bagaimanapun mahu parti-parti komponen BN membincangkan sebarang kritikan mereka mengenai DEB dalam parti sahaja.

Datuk Lee juga kesal kerana dalam usaha menyusun semula masyarakat bagi mencapai matlamat kedua DEB, hanya harta kekayaan kaum Cina mengalami penyusunan semula itu dan kedua-dua faktor tersebut menyeleweng daripada konsep kesamarataan kaum.

Mengenai jawatankuasa yang dibentuk oleh UMNO bagi mengkaji pelaksanaan dan pencapaian matlamat DEB, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, ia adalah satu usaha peringkat pertama untuk mengetahui apa yang UMNO mahu terlebih dahulu.

"Bagaimanapun, tanpa butir-butir daripada pihak kerajaan dan ahli-ahli perniagaan, kita tidak mungkin dapat mengemukakan satu laporan lengkap mengenai pelaksanaan dan pencapaian matlamat DEB itu," ujarnya.

Katanya, sama ada parti-parti komponen lain dalam Barisan Nasional patut menubuhkan jawatankuasa yang serupa, terpulanglah kepada parti-parti berkenaan.

"Saya yakin, mereka juga turut membincangkan masalah berhubung dengan DEB di peringkat parti masing-masing dan banyak juga dewan perniagaan bukan bumiputera berbuat demikian tetapi terpulanglah kepada mereka sendiri sama ada hendak menubuhkan jawatankuasa khas untuk itu," katanya.

Bagi BN sendiri, tambahnya, jawatankuasa seperti itu sudah pun wujud dan tidak perlu ditubuhkan satu lagi panel.

LIHAT MUKA 6

Kemukakan bukti yang jelas — PM

Ditanya tentang langkah kerajaan untuk melonggarkan ekuiti bagi pelabur-pelabur asing, Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu, kabinet akan memutuskannya dalam mesyuarat mingguannya esok.

Katanya, garis panduan

itu telah ada tetapi kerajaan memerlukan kelulusan rasmi daripada kabinet sebelum mengumumkannya.

Menurut beliau, garis panduan itu mengandungi butir-butir yang disifatkannya sebagai "sangat jauh

beza" daripada garis panduan yang lalu dalam hubungan menghimpun kekayaan.

"Kemungkinannya, kerajaan tidak akan terkong-kong sangat dengan DEB berhubung dengan pelonggaran ekuiti bagi pelabur-

pelabur asing ini," katanya.

Beliau memberitahu, keputusan kabinet esok mungkin akan diumumkan terus kepada rakyat di negara ini tetapi yang pasti beliau akan mengumungkannya kepada ahli-ahli perniagaan, bank-bank dan

ahli-ahli akademik di persidangan Canada-Malaysia di Ottawa, 7 Oktober depan.